

FALSAFAH DAN KEBUDAYAAN

Falsafah Akhlak

Akhlek dan susila hidup manusia tidak dapat dipisahkan daripada agama, susila adalah sebahagian daripada agama, bahkan akhlak atau susila yang baik itu memang dipuji oleh mana-mana agama dalam dunia ini. Ada pun erti akhlak menurut tafsiran ahli sosiologi: tata tertib yang baik, yang harus dilakukan oleh tiap-tiap seorang yang hidup di dalam kumpulan orang ramai atau bangsa. Menurut pentafsiran mereka orang ramailah yang menentukan tata hidup, gerak-geri atau tingkah laku yang baik atau yang buruk. Maka nilai baik buruk ini terserahlah kepada masyarakat, bukan terserah kepada perseorangan, nilai perseorangan ini tidak ada ertinya. Cuma tetap kekal agung ialah nilai masyarakat.

(Oleh: al-Ustaz Hasan Salleh, Pensyarah Kolej Islam Malaya)

Susunan manusia di dalam masyarakat berlainan sekali daripada campuran barang-barang kimia untuk membuat satu-satu ubat, atau mencampurkan beberapa bahan untuk membuat barang atau alat yang baharu. Bahan-bahan kimia yang hendak diperbuatkan ubat umpamanya mestilah dibancuh menurut sukatannya yang tertentu, selepas di campur dibancuh baharulah terjadi ubat yang baharu, pada hal rupa tiap-tiap barang kimia yang asal sudah tidak kelihatan lagi, yang kelihatan ialah ubat baharu, rupa baharu.

kuat ialah masyarakat yang mengawal hak-hak umum dan tidak menghancurkan hak-hak perseorangan.

Yang menjadi tanda tanya bagi orang-orang pandai atau ahli psikologi, siapakah gerangan yang mula-mula membuat atau menggubalkan tata tertib, atau tingkah laku yang baik untuk diikuti di dalam sesuatu masyarakat? Tatatertib itu siapakah yang membuatnya? Adakah masyarakat yang membuat atau salah seorang daripada orang bijak pandai? Dari manakah mereka mengambil segala tatatertib itu?

Tetapi dalam pembangunan hidup manusia tidak boleh hidup dibancuh seperti ubat menurut banyak sedikit! Manusia perlu diperkembangkan peribadi, perlu dijagakan hak perseorangannya di samping pembangunan masyarakat. Peribadi manusia tidak mesti hancur dalam masyarakat, bahkan masyarakat perlu dikawal dan peribadi perseorangan mustahak diperkembangkan. Masyarakat yang

Tanda tanya ini selalu berbangkit di dalam jiwa tiap-tiap pengkaji ilmu masyarakat. Untuk menjawab soalan-soalan seperti ini memang sukar kerana bermacam-macam pendapat, lagi pula kesulitannya ialah hendak mengkaji tata tertib dan susila kemanusiaan umumnya sejak dahulu. Jadi untuk memberi gambaran dan bayangan ada

baiknya saya bawakan pendapat “Frazier” tentang asal

usul famili dan kumpulan (kabilah)

Menurut pendapatnya orang-orang lain yang hidup dalam dunia purba dahulu dengan memakai peraturan suku-suku puak (kabilah) memang sedia ada susila atau tata tertib yang mereka ikuti. Mereka mempunyai empat dasar akhlak atau tata hidup yang dihormati:

1) Melarang membunuh di dalam kabilah

Barang siapa yang membunuh salah seorang daripada kabilah, lelaki atau perempuan, maka pembunuhan itu akan terancam, jiwanya tidak selamat. Pembelaan daripada kaum keluarga si mati akan mengancam kabilah. Ini satu daripada susila atau tata hidup yang dihormati mereka.

2) Melarang perzinaan

Perkahwinan di antara lelaki dan perempuan di masa purba memang dilakukan dengan upacara kemeriah yang tertentu, biasanya kaum kerabat daripada dua keluarga itu berhimpun dalam satu majlis kesukaan, maka tampillah ketua kabilah atau tukang nujum mereka membaca doa selamat, dengan diikuti oleh orang ramai, di samping itu pihak lelaki memindahkan sedikit barangnya untuk diberi kepada perempuan dan perempuan pun demikian juga. Maka baharulah rasmi perkahwinan mereka. Tiap-tiap perhubungan di antara lelaki dan perempuan yang tidak dilakukan upacara seperti ini dianggap haram (zina) dan boleh mendatangkan bala yang besar terhadap kabilah itu sendiri. Mereka percaya kalau tidak dilakukan upacara seperti demikian perkahwinan mereka, sudah tentu akan datang bala yang mengancamnya. Kepercayaan ini membawa mereka tidak melakukan hubungan yang curang.

3) Melarang curi.

Dalam hidup kabilah yang lampau, memang mereka mlarang menipu atau mencuri barang kepunyaan orang lain. Siapa yang mencuri atau menipu akan mengancam keamanan kabilah seluruhnya.

Masyarakat purba ada menetapkan alamat kepunyaan tiap-tiap seorang. Walaupun barang itu terdedah, namun mereka tidak berani mengambilnya kerana takut akan akibat atau mala petaka yang akan mengancamnya. Demikianlah mereka menjauhkan daripada curi-mencuri.

4) Menghormati pemerintah

Menghormatkan hakim atau pemerintah atau rajanya itu memang menjadi kepercayaan yang mendalam bagi tiap-tiap seorang di zaman purba, pada kepercayaannya hakim atau ketua mereka itu seorang suci, yang terpelihara daripada kesalahan, Hakim itu sakti, begitu juga tukang sihir itu dianggap sangat mulia dan ditakutinya, oleh yang demikian tiap-tiap hakim sentiasa bersahabat dengan tukang-tukang sihir.

Lihatlah di dalam sejarah Firaun, tidakkah tukang sihir itu mendapat tempat yang terbaik, ketika firaun melawan Musa maka tukang-tukang sihirlah yang diminta tolong.

Menurut pendapat “Frazier” dan ahli-ahli ilmu sosiologi yang lain memang empat-empat inilah yang menjadi rukun atau tuang akhlak bagi manusia purba sebelum lahir agama-agama yang benar.

Sebelum kita membahas lebih lanjut tentang dasar-dasar akhlak yang telah sedia diamalkan dalam masyarakat *primitif* perlu kita terangkan sikap-sikap agama-agama tentang dasar-dasar ini:

1) Agama-agama dunia umpama Yahudi, Kristian dan Islam memang mengakui tentang dasar-dasar ini. Manakala pakar-pakar sosiologi pula mengatakan dasar-dasar ini sesuai dengan *human nature* (tabiat kemanusiaan), agama Islam mengharamkan perzinaan, pembunuhan, tiap-tiap pemerintah mengamalkan suruhan-suruhan Tuhan wajib ditaati, pemerintah yang adil perlu dipatuhi seperti mana kita patuh kepada hukuman Tuhan dan Rasul-Nya. Maka

tidak hairan kalau Islam mengakui dasar-dasar kemanusiaan yang pertama Islam ialah agama yang sesuai dengan tabiat kemanusiaan.

2) Nabi Muhammad (SAW) diutuskan oleh Allah *subḥānahu wa ta’ālā* untuk menyempurnakan ketinggian akhlak,

tiap-tiap perkara dan kelakuan yang sesuai dengan

jiwa kemanusiaan diakui. Tiap-tiap kelakuan yang menjahanamkan jiwa kemanusiaan wajib dihindari!

Tabiat kemanusiaan yang dijadikan Tuhan ada mempunyai

persediaan untuk menjadi baik dan jahat! Malah

persediaan menjadi kebaikan itu yang asal sekali,

tiap-tiap manusia diperanakkan atas sifat semula jadi,

maka ibu bapa dan masyarakatlah yang akan mengesani tentang

jiwa manusia, baik dan buruk.

3) Keburukan umum yang akan mengenai masyarakat

lantaran dosa yang dilakukan oleh orang-orang yang tertentu

memang diakui Islam, firman Tuhan: (dan takutlah

kamu, kepada umum, bukan sahaja mengenai orang yang

melakukan kezaliman).

Barang siapa yang memerhatikan pada falsafah Qur’ān tentang tanggungjawab terhadap keburukan dan kebaikan memang terkena kepada masyarakat dan terkena juga pada

tiap-tiap seorang, sebagaimana firman Tuhan: “mereka itu tidak mahu melarang daripada kemungkaran”, masyarakat yang melepas orang jahat atau tidak dikurung bererti membuka pintu kejahatan. Maka umat yang tidak membala orang yang durjana berertilah umat yang berdusta, kalau tidak ada melarang daripada kejahatan atau menggemarkan kepada kebaikan tentulah seluruhnya akan jahanam dan porak-peranda.

Tanggungjawab perseorangan memang tercatit di dalam Qur’ān, begitu jua tanggungjawab beramai-ramai, tiap-tiap orang dalam satu kumpulan atau bangsa mempunyai tanggungjawab, tiap-tiap seseorang akan disoal akan dirinya sendiri, dan orang lain dan terkadang dia

Buku-buku untuk umum dan sekolah-sekolah:

1. Pelajaran Sembahyang I	\$1.20
2. “ “ II mengenai imam, maknum, masbuk, jenazah dan lain-lain.	\$1.20
3. Mari sembahyang (untuk kanak-kanak)	\$1.20
4. Mari sembahyang (untuk kanak-kanak perempuan)	\$1.20
5. Ibadat Rasulullah (S.A.W) (Tinggal sedikit)	\$3.00
6. Panduan membaca dan menulis jawi	\$1.50
7. Baca I	\$1.00

Buku-buku sejarah

1. Muhammad <i>salla Allāh ‘alayhi wa sallam</i> 1	\$1.20
2. “ “ “ “ “ “ 2	\$1.20

sendiri wajib menyoal, dan soal, maka seluruh umat mempunyai tanggungjawab.

Tugas Rasul-rasul yang diutuskan Tuhan seru sekalian alam ialah memimpin manusia ke jalan yang benar, perkara-perkara yang buruk itu haram. Pendeknya agamalah yang menerangkan perkara-perkara yang baik itu semuanya halal, menerangkan tatahidup dan budi pekerti yang baik, bukan masyarakat bukan pula orang seorang yang boleh menerangkan bagus atau tidak bagusnya suatu benda, menghalalkan atau mengharamkan.

Yang disebutkan di atas tadi tentang akhlak menurut kaca mata agama dan pandangan manusia pada masa purba iaitu sebelum lahirnya mana-mana agama. Menurut analisa falsafah baharu yang pernah diperkatakan oleh ahli-ahli falsafah yang mereka cuba mengasingkan di antara akhlak dan agama.

Aliran falsafah yang pertama:

Mengikatkan akhlak dengan logik dan fikiran, aliran ini menetapkan “barang siapa yang tiada mempunyai fikiran tiada mempunyai akhlak” seterusnya “sesiapa yang tiada akhlak tiada mempunyai fikiran. Kata ahli bijak pandai: fikiran yang waras itu di dalam tubuh yang sihat” Seterusnya mereka mengatakan: “Akhlak yang baik itu tersemat di dalam fikiran yang siuman”.

Perhubungan tubuh dengan fikiran itu sudah tidak menjadi soal lagi, memang tubuh dan fikiran tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain seperti orang demam panas bercakap tidak ketentuan, demam penyakit tubuh, dan cakap tidak berketentuan penyakit jiwa, orang gila, orang sakit jiwa

umpamanya sakit juga pada badan! Kebanyakan orang yang mengidap sakit badan yang teruk tidak lagi tenteram jiwynya.

Orang yang siuman akalnya lagi teratur fikirannya masakan lalu membuat perbuatan yang menjatuhkan kehormatannya, kalau orang jahat memikirkan akibat perbuatan dari segenap sudut tidak akan melakukan kejahatan! Kalau dia melakukan juga dan dia terkena hukum bermaknalah dia belum memikirkan perbuatan itu dari segenap sudut, pendeknya memang ada perhubungan di antara fikiran dan perbuatan atau perhubungan di antara akhlak dengan logik, logiklah yang menjadikan fikiran! Dan akhlak itu juga sebagai logik gerak-geri makhluk.

Menurut kaca mata Islam yang mengaku kelebihan akal manusia: tiap-tiap pendapat akal yang mengatakan ini bagus ini berfaedah kepada manusia, maka pendapat itu bagus juga pada agama, tetapi bukanlah segala pendapat akal fikiran itu menjadi sumber bagi baik buruknya, sebab yang menentukan halal haram, baik buruk itu agama. Agamalah yang menerangkan mencuri itu haram, arak itu haram, berzina itu haram dan lain-lainnya.

Pendeknya segala suruhan agama itu tidak berlawanan dengan pendapat akal. Segala perkara yang berfaedah dan berguna bagi manusia dihalakan, sebaliknya segala perkara yang berbahaya dan buruk terhadap manusia dilarang. *Wa bi Allāhi al-tawfiq.*